



SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL 5 /2009

**Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Y.Bhg. Prof Dato' / Prof / Tuan / Puan,

PINDAAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2007

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan kepada Pekeliling Bendahari Bil. 1/2007 iaitu penambahan jenis dan senarai barang terkini yang dibekalkan oleh Stor Pusat seperti di Lampiran D pekeling tersebut.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Bendahari bil 1/2007 telah menerangkan mengenai pengurusan pengambilan alatulis dan bekalan pejabat dari Stor Pusat, Pejabat Bendahari
- 2.2 Sehingga kini, Stor Pusat telah menyenggara sebanyak 235 jenis alatulis dan bekalan pejabat untuk kegunaan setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.3 Senarai item yang disenggara oleh Stor Pusat Universiti adalah seperti dilampiran D, Pekeliling Bendahari Bil 1/2007..

3.0 BEKALAN DI STOR PUSAT

Senarai terkini barangan yang dibekalkan oleh Stor Pusat adalah seperti di lampiran. Pihak Y.Bhg. Prof Dato' / Prof / Tuan / Puan, adalah dimaklumkan supaya tidak lagi membeli barang-barang yang tersebut daripada pembekal luar kerana ianya telah dibekalkan secara berpusat oleh Stor Pusat Pejabat Bendahari.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Bendahari ini, peraturan berkaitan pengurusan aset yang terkandung di dalam Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari yang berikut adalah dibatalkan:-

- (a) Lampiran D PB Bil 1/2007 – Pekeliling mengenai pengurusan pengambilan alatulis dan bekalan pejabat dari Stor Pusat, Pejabat Bendahari;
- (b) SPB Bil.3/2002 – Tambahan Item Stor Pusat.

5.0 PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Prof Dato' / Prof / Tuan / Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
: Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
: Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
: Ketua Audit Dalam